

# Kontinjen UMS-KAL tepati ramalan

## Perolehi lima emas pada Kejohanan Sukan Staf UMS ke-12

UB 03.02.2012 A14

**LABUAN:** Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) @ 1KAL menepati ramalan memperoleh 5 pingat emas di Kejohanan Sukan Staf UMS ke-12 2012 yang berlangsung di Kota Kinabalu pada 27 hingga 29 Januari lalu.

Kontinjen 1KAL yang diketuai oleh Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim itu berjaya mendapat 5 emas melalui acara dart, bola tampar wanita, bola jaring, kayak dan tarik tali.



**ATLET** Kontinjen 1KAL bersama Kamaruzaman (tengah), Abdullah dan Shariff selepas majlis penutupan Sukan Staf 2012.



**PEMAIN 1KAL** gembira dapat mempertahankan pingat emas.



**PEMAIN kayak 1KAL** sukar digugat pasukan lain.

Geoffrey Harvey Tanakinjal bersama pengurus dan jurulatih masing-masing.

Beliau berharap kontinjen 1KAL akan meneruskan latihan pada tahun ini untuk merampas kedudukan tempat pertama menerusi pertandingan di peringkat UMS dan Wilayah

Persekutuan Labuan untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan.

“Kalausemu atlet berlatih bersungguh-sungguh lebih awal, saya yakin kedudukan johan mampu dirampas daripada pasukan lain di Kejohanan Sukan Staf 2013,” katanya.



**PENGURUS** pasukan dart, Md Azrie Tanjong (berdiri 2 kanan) bersama pemain dart yang memperoleh pingat emas.

UMS-KAL merupakan juara bertahan bagi acara dart, bola jaring dan bola tampar wanita manakala kayak dan tarik tali baru pertama kali meraih emas pada kali ini.

Atlet 1KAL turut membawa pulang pingat perak menerusi acara hoki manakala 6 pingat gangsa diperolehi melalui acara bola tampar lelaki, futsal veteran, boling, futsal wanita, badminton dan karom.

Dengan kejayaan itu, kontinjen 1KAL yang

mengumpul 281 mata menduduki tempat kedua di belakang kontinjen Esteem yang memperoleh 361 mata diikuti Twin Tower (261) Hercules (246), 6J (211) dan D'Arts (133).

Kontinjen Esteem memenangi 5 emas menerusi acara badminton, pool, catur, tenis dan olahraga, Twin Tower 3 emas, ping pong, karom dan hoki, Hercules 2 emas, golf dan futsal manakala 6J 1 emas melalui acara boling.

Majlis perasmian penutupan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon di Laman Graduan Dewan Canselor UMS pada 29 Januari lalu.

Turut hadir Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf 2012, Datuk Abdullah Mohd Said, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Abdullah.

Majlis penutupan itu diserikan lagi dengan acara karaoke dan Battle Of The Bands serta cabutan nama bertuah yang menawarkan hadiah lumayan berupa barangan elektrik.

Kejohanan Sukan Staf diadakan untuk memilih atlet bagi mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Staf

IPTA yang akan diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun ini.

Sementara itu, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff mengucapkan tahniah kepada semua atlet UMS-KAL @ 1KAL yang berjaya membawa pulang 5 pingat emas, 1 perak dan 6 gangsa sekaligus membantu kontinjen itu menduduki tempat kedua keseluruhan.

Katanya, kejayaan itu sebenarnya diperolehi melalui latihan intensif, disiplin dan komitmen semua atlet di bawah bimbingan Dr Ag Asri yang dibantu Dr



**AG Asri** (tengah) meraikan kejayaan pasukan bola tampar wanita mempertahankan pingat emas.



**WALAUPUN** mendapat tentangan sengit daripada pasukan lain, pasukan tarik tali 1KAL tetap berjaya meraih pingat emas.